

Nikmati Citarasa Tradisi Ramadan di Resorts World Awana menerokai “Iftar Pahang Timur-Barat”

Genting Highlands, 13 Februari 2026 – Resorts World Awana mengalu-alukan kedatangan bulan suci Ramadan dengan mempersembahkan “Iftar Pahang Timur-Barat”, sebuah pengalaman berbuka puasa yang diinspirasikan daripada citarasa tempatan dan tradisi kulineri Pahang yang dekat di hati. Bertujuan untuk menghimpunkan keluarga, sahabat, dan komuniti, pengalaman santapan ini mencerminkan nilai kemesraan, kemurahan hati, dan keharmonian bersama yang menjadi inti pati bulan Ramadan.

Para pengunjung memulakan iftar di sudut kurma pilihan yang menyajikan pilihan kurma tempatan dan import, sebelum meneruskan pengalaman rasa melalui sajian manisan warisan bertemakan “Semanis Tradisi, Selembut Dirasa”. Pencuci mulut ini menyajikan pelbagai kuih tradisional seperti kuih lapis, onde-onde, seri muka, akok, bingka, tepung pelita, badak berendam, dan pelbagai lagi pilihan kegemaran ramai, sekali gus menghidupkan nostalgia citarasa tradisi. Buah-buahan tempatan segar serta jeruk gaya Nyonya turut melengkapkan sajian, selain kaunter Bubur Warisan Pahang yang menawarkan bubur-bubur klasik Ramadan yang dinikmati merentas generasi.

Keseluruhan ruang makan menonjolkan bahagian kulineri yang mempersembahkan citarasa dan budaya makanan yang sinonim dengan Pahang, mencerminkan keunikan bandar, pesisir pantai, serta gaya santapan tempatan. Para pengunjung berpeluang menikmati hidangan daging panggang istimewa di bahagian Champion Kambing Golek, makanan laut goreng segar di bahagian Celup Tepung Beserah, serta aneka sup beraroma yang dihidangkan bersama roti Benggali. Pada hujung minggu, pengunjung turut disajikan dengan makanan laut bakar berinspirasikan Tanjung Lumpur, manakala bahagian lain menyajikan pelbagai pilihan popular seperti satay, otak-otak, murtabak, roti john, shawarma, pilihan nasi kandar, kudapan goreng, hidangan mi, laksa, dan pelbagai lagi.

Menjadi tumpuan utama bufet, hidangan utama yang ditawarkan menyajikan menu-menu menyelerakan yang berakar daripada tradisi masakan tempatan. Para pengunjung boleh menikmati sajian kegemaran seperti rendang tok, ayam masak merah, ayam kerutuk, gulai kawah daging, patin masak tempoyak, singgang daging, serta pelbagai pilihan kari, yang dilengkapi dengan pilihan nasi beraroma dan hidangan sayur-sayuran klasik.

Bagi menutup santapan malam dengan lebih menyegarkan, para pengunjung boleh menikmati pencuci mulut dingin seperti ais krim, ais batu campur, dan cendol, di samping pelbagai minuman termasuk sirap bandung, teh tarik, minuman berasaskan buah-buahan, serta minuman tempatan lain. Secara keseluruhan, pengalaman santapan ini menyemarakkan semangat kemeriahan, kesyukuran, dan keharmonian bersama, serta meraikan kepelbagaian kulineri Malaysia.

Bufet ini dihidangkan setiap hari bermula 20 Februari hingga 20 Mac 2026, mulai jam 6.30 petang, dengan harga RM118 untuk dewasa dan RM68 untuk kanak-kanak.

Menerusi “Iftar Pahang Timur-Barat”, Resorts World Awana meneruskan komitmennya dalam menghasilkan pengalaman santapan bermusim yang bermakna, yang menghargai tradisi sambil mengalu-alukan para pengunjung dalam suasana yang meriah dan penuh kemesraan.

Selain Resorts World Awana, para pengunjung juga boleh menikmati pelbagai tawaran Ramadan bermusim di seluruh resort. Di Jom Makan SkyAvenue (Aras G), set Setalam Ramadan ditawarkan dari 19 Februari hingga 20 Mac 2026, bermula jam 2 petang setiap hari. Berharga RM45, set ini menampilkan ayam percik yang dihidangkan bersama nasi minyak, pelbagai ulaman serta dua gelas air bandung ais.

Sementara itu, Jom Makan Street Food (Aras 4) memperkenalkan promosi Aneka Kerabu sepanjang tempoh yang sama dari jam 3 petang hingga 8 malam setiap hari, menawarkan pilihan kerabu dan hidangan sampingan tradisional seperti variasi pucuk paku, kerabu mangga, kacang botol, taugeh, serta pilihan berasaskan makanan laut dan daging. Sebagai pelengkap, pelbagai minuman turut ditawarkan termasuk air jagung dan bandung cincau yang disajikan bersama ais krim vanilla di atasnya, selain teh limau ais, bagi memberikan pengalaman Ramadan yang ringan dan mengujakan di seluruh resort.

Untuk tempahan atau sebarang pertanyaan, sila hubungi Resorts World Awana, layari laman web rasmi di rwgenting.com, atau ikuti platform media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana

melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.